

BAB LIMA

Keberkesanan Teori *al-'Isti'a:rat* dalam Penghayatan Makna Hadis-hadis Kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* di Kalangan Guru-guru kitab Tersebut di Semenanjung Malaysia

5.0 Pendahuluan

Tesis ini merupakan kajian *Bala:ghat al-Hadi:th* yang mencakupi kajian perpustakaan dan kajian lapangan. Ia merangkumi aspek teori, analisis teks dan kajian lapangan. Kajian perpustakaan bagi tesis ini berkaitan *al-'Isti'a:rat* di dalam hadis-hadis kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n*, manakala kajian lapangan pula berkaitan dengan keberkesanan teori *al-'Isti'a:rat* dalam penghayatan makna hadis di kalangan ilmuwan Islam di Semenanjung Malaysia. Bab ini menumpukan kepada aspek lapangan. Ia merupakan pelengkap kepada bahagian pertama.

Bab ini secara umum bertujuan mendedahkan rahsia keberkesanan teori *al-'Isti'a:rat* dalam penghayatan makna hadis-hadis kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* di kalangan guru-guru kitab tersebut di Semenanjung Malaysia yang boleh dijadikan sebagai asas kepada penyampaian maksud hadis Rasulullah s.a.w. dan komunikasi secara berkesan.

5.1 Rangka Kerja Teori dan Pelaksanaan Kajian

Kajian ini dilaksanakan untuk melihat keberkesanan teori *al-'Isti'a:rat* dalam penghayatan makna hadis-hadis kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* di kalangan guru-guru kitab tersebut di Semenanjung Malaysia. Ia menggunakan kaedah tinjauan berbentuk deskriptif, iaitu tinjauan bermatlamat untuk mengumpulkan maklumat mengenai pembolehubah-pembolehubah yang berkait dengan sesuatu fenomena tanpa menyayal mengapa pembolehubah tersebut wujud.⁵⁶² Ia dianggap sebagai kajian deskriptif kerana

⁵⁶² Mohd.Majid Konting, (2005), Kaedah Penyelidikan Pendidikan, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 101-102.

ia bermatlamat tinjauan atau penerokaan bagi menerangkan fenomena yang sedang berlaku.⁵⁶³ Bagi mencapai objektif kajian ini, penulis memfokuskan kepada sasaran-sasaran berikut :

i) Tempat

Semenanjung Malaysia. Pemilihan sampel kajian dibuat berdasarkan zon yang ditetapkan pihak JAKIM⁵⁶⁴ dengan memilih satu sampel untuk setiap zon. Sampel bagi setiap zon adalah sebagaimana berikut :

Bil.	Zon	Sampel
1	Utara	Kedah
2	Timur	Kelantan
3	Tengah	Selangor
4	Selatan	Melaka

Pemilihan sampel untuk setiap zon dibuat berdasarkan populariti negeri berkenaan dalam bidang perkembangan agama Islam dan pendidikannya, selain melihat bilangan subjek kajian.

ii) Subjek Kajian

Bagi mendapat data dan maklumat terperinci kajian ini, penulis memilih para guru kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* dan para pelajar kitab tersebut dengan nisbah 5 orang pelajar untuk setiap orang guru dari masjid-masjid Negeri, masjid-masjid Daerah dan masjid-masjid yang setaraf dengannya dari negeri-negeri berkenaan sebagai responden atau sampel. Hal ini bertepatan dengan pandangan Chua Yan Piaw yang menyatakan bahawa persampelan adalah berkaitan dengan proses memilih sebilangan subjek daripada sesuatu populasi untuk dijadikan sebagai

⁵⁶³ *Ibid*, h.96 dan 98.

⁵⁶⁴ Temubual penulis dengan Penolong Pengarah Bahagian Penyelidikan JAKIM, YBhg Ustaz Zulfaqar bin Mamat pada 1 hari bulan April 2008 di pejabatnya, Aras 6 Block D7, Parcel D, Bangunan Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Putrajaya. Hasil temubual dapat dirumuskan bahawa dalam pengurusan dakwah dan penyelidikan pihak JAKIM membahagikan semenanjung Malaysia kepada 4 zon, iaitu zon Utara, zon Timur, Zon Tengah dan zon Selatan. Zon Utara meliputi negeri Kedah dan Perlis, Zon Timur meliputi negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang, zon Tengah meliputi negeri Selangor dan Perak, manakala zon Selatan pula meliputi negeri Melaka dan Johor.

responden kajian⁵⁶⁵. Selain itu, bagi memastikan kajian ini mewakili semua guru kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* di masjid-masjid berkaitan, penulis telah menghubungi setiap masjid berkenaan dengan bantuan Majlis Agama Islam Negeri atau Jabatan Agama Islam Negeri dan Daerah. Secara keseluruhan dapat disimpulkan bahawa dalam menjalankan kajian ini penulis menggunakan pensampelan gugus⁵⁶⁶. Antara masjid-masjid berkaitan yang terlibat dalam pengajaran kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* ialah :

Bil.	Negeri	Nama Masjid	Bil. Responden
1	Kedah	Masjid Kota Setar	1
2	Kelantan	Masjid Kampung Sirih (MB)	1
		Masjid Daerah P.Mas	1
		Masjid Daerah K.Kerai	1
3	Selangor	Masjid Jamek Raja Tun Uda	2
		Seksyen 16 Shah Alam	
4	Melaka	Masjid Diraja Klang	1
		Masjid Daerah Alor Gajah	1

iii) Alat Kajian

Borang soal selidik merupakan alat dan instrument penting kepada kajian ini. Ia dibina berdasarkan objektif dan persoalan kajian. Ia mengandungi 2 bahagian, iaitu Bahagian A yang terdiri daripada item-item berkaitan latar belakang responden. Bahagian B pula adalah item-item khusus berkaitan persoalan kajian. Borang soal selidik diedarkan kepada guru-guru dan para pelajar kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* dengan nisbah 5 orang pelajar untuk setiap orang guru. Bagi memastikan keberkesanan soal selidik tersebut, proses melengkapkan borang soal selidik khususnya di kalangan guru dilakukan secara bersemuka. Bagaimanapun terdapat 2 orang responden yang tidak berkesempatan berbuat demikian disebabkan keadaan yang tidak mengizinkan.

⁵⁶⁵ Chua Yan Piaw, (2006), Kaedah dan Statistik Penyelidikan –Kaedah Penyelidikan, Kuala Lumpur : Mc Graw Hill, h.179.

⁵⁶⁶ Asmah Haji Omar, (2002), Kaedah Penyelidikan Bahasa di Lapangan, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h.59.

v) Skala Pengukuran

Pengukuran merupakan proses pemberian nilai dengan nombor kepada cerapan-cerapan supaya nombor-nombor tersebut boleh dianalisis dengan cara manipulasi atau operasi mengikut peraturan tertentu⁵⁶⁷. Disebabkan kajian ini berkaitan keberkesanan teori *al-'Isti'a:rat* dalam penghayatan makna hadis-hadis kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* di kalangan guru-guru kitab tersebut di Semenanjung Malaysia yang dirujuk kepada amalan pengajaran *al-'Isti'a:rat* di dalam hadis dan persepsi terhadap teori dan pengajarannya, maka penulis menggunakan skala Likert sebagai pengukuran kepada penilaian soal selidik. Kesemua item penilaian dalam borang soal selidik berasaskan jawapan berbentuk skala Likert-5 seperti di bawah :

Likert	Pengkelasan
5	Sangat setuju
4	Setuju
3	Tidak pasti
2	Tidak setuju
1	Sangat tidak setuju

Selain itu, penulis menggunakan statistik deskriptif dalam kajian ini melalui fakta-fakta yang diperolehi daripada borang soal selidik. Menurut Mohd. Majid Konting, statistik deskriptif adalah statistik yang digunakan untuk memerihalkan sesuatu peristiwa.⁵⁶⁸ Ia bertujuan meringkaskan data yang diperolehi agar mudah difahami.⁵⁶⁹

⁵⁶⁷ *Opcit*, h. 147.

⁵⁶⁸ Mohd.Majid Konting, (2000), *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h.312.

⁵⁶⁹ *Ibid*, h.314.

5.2 Analisis Soal Selidik

5.2.1 Analisis Soal Selidik Untuk Guru

Soal Selidik Untuk Guru bagi kajian ini mempunyai dua bahagian, iaitu bahagian A dan bahagian B. Bahagian A berkaitan latar belakang guru manakala bahagian B pula berkaitan persoalan kajian.

5.2.1.1 Bahagian A : Latar Belakang Guru

Soal selidik bahagian ini bertujuan mengenalpasti latar belakang guru yang terlibat dalam pengajaran kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n*. Data dan maklumat bahagian ini merupakan asas penting kepada persoalan kajian. Antara perkara yang berkaitan latar belakang guru yang diketengahkan di dalam bahagian ini ialah jantina responden, umur, kelulusan, institusi tempat belajar, bidang pengkhususan, latihan perguruan, pekerjaan, bidang pengajaran di institusi tempat bekerja, tempoh waktu penglibatan dalam pengajaran kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n*, teks pengajaran yang digunakan, buku rujukan, sebab memilih kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* sebagai teks pengajaran. Bagi memudahkan penjelasan dan huraian dapatan analisis perkara-perkara tersebut di atas penulis menggunakan jadual.

Berikut adalah dapatan soal selidik berkaitan perkara-perkara tersebut di atas :

1. Jantina Responden

Jadual 5.1 : Taburan Responden Mengikut Jantina

Item	Jantina	Kekerapan
1	Lelaki	8
	Perempuan	0

Jadual di atas menunjukkan keseluruhan responden dari kalangan guru kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* yang terlibat dalam kajian ini adalah lelaki.

2. Umur

Jadual 5.2 : Taburan Responden Mengikut Umur

Item	Umur	Kekerapan
2	31-40 tahun	3
	41-50 tahun	3
	51-60 tahun	-
	61-70 tahun	2

Jadual di atas menunjukkan terdapat 3 orang responden berumur dalam lingkungan 31 hingga 40 tahun, 3 orang berumur dalam lingkungan 41 hingga 50 tahun dan 2 orang berumur dalam lingkungan 61 hingga 70 tahun. Umur responden secara keseluruhan di antara 32 tahun hingga 69 tahun.

3. Kelulusan

Jadual 5.3 : Taburan Responden Mengikut Kelulusan

Item	Kelulusan	Kekerapan
3	Sarjanamuda	4
	Sarjana	1
	Sarjanamuda dan Pondok	1
	Sarjana dan Kedoktoran Homeopati	1
	Pondok	1

Jadual di atas menunjukkan terdapat 4 orang responden merupakan lulusan Sarjanamuda, 1 orang responden merupakan lulusan Sarjana, 1 orang responden merupakan lulusan Sarjanamuda dan lulusan pondok dan 1 orang responden merupakan lulusan Sarjana dan lulusan Kedoktoran Homeopati. Di sini dapat disimpulkan bahawa guru-guru yang terlibat dalam pengajaran kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* mempunyai kelayakan untuk mengendalikan pengajaran kitab tersebut.

4. Institusi Tempat Belajar

Jadual 5.4 : Taburan Responden Mengikut Institusi Tempat Belajar

Item	Institusi Tempat Belajar	Kekerapan
4	Timur Tengah	4
	Timur Tengah dan India	1
	Tempatan	1
	Tempatan dan Timur Tengah	1
	Tempatan dan Indonesia	1

Jadual di atas menunjukkan kebanyakan responden merupakan lulusan universiti Timur Tengah. Secara terperinci dapat dilihat bahawa bilangan responden lulusan universiti Timur Tengah berjumlah 4 orang, bilangan responden lulusan universiti Timur Tengah dan India hanya seorang, bilangan responden lulusan tempatan (pondok) hanya seorang, bilangan responden lulusan universiti Tempatan dan Timur Tengah hanya seorang dan bilangan responden lulusan universiti Tempatan dan Indonesia hanya seorang.

5. Bidang Pengkhususan

Jadual 5.5 : Taburan Responden Mengikut Pengkhususan

Item	Pengkhususan	Kekerapan
5	Hadis	1
	Bahasa Arab	1
	Syariah	2
	Usuluddin (Tafsir)	1
	Usuluddin dan Dakwah	2
	Pondok	1

Jadual di atas menunjukkan 1 orang responden merupakan lulusan dalam bidang Hadis, 1 orang responden merupakan lulusan dalam bidang Bahasa Arab, dua orang responden

merupakan lulusan dalam bidang Syariah, 1 orang responden merupakan lulusan dalam bidang Usuluddin (Tafsir), 2 orang responden merupakan lulusan dalam bidang Usuluddin dan Dakwah dan 1 orang responden merupakan lulusan pondok.

6. Memiliki Diploma Pendidikan

Jadual 5.6 : Taburan Responden Mengikut Diploma Pendidikan

Item	Memiliki Diploma Pendidikan	Kekerapan
6	Ada	3
	Tiada	4
	Lain-lain Kursus Perguruan	1

Jadual di atas menunjukkan 4 orang responden mendapat latihan perguruan samada dalam bentuk pengajian Diploma Pendidikan atau Kursus Perguruan di peringkat sijil. Manakala 4 orang responden lagi tidak mendapat latihan perguruan.

7. Pekerjaan

Jadual 5.7 : Taburan Responden Mengikut Pekerjaan

Item	Pekerjaan	Kekerapan
7	Guru Sekolah	1
	Pensyarah	2
	Pembantu Hal Ehwal Islam (Imam)	1
	Pendakwah Bebas	2
	Pegawai Latihan Pusat Bahasa Arab	1
	Pegawai Agama Islam Daerah (Kadi)	1

Jadual di atas menunjukkan seorang responden merupakan guru sekolah, 2 orang responden merupakan pensyarah, seorang responden merupakan Pembantu Hal Ehwal Islam (Imam), 2 orang responden merupakan Pendakwah Bebas, seorang responden

merupakan Pegawai Latihan Pusat Bahasa Arab dan seorang responden merupakan Pegawai Agama Islam Daerah (Kadi).

8. Bidang Pengajaran di Institusi Tempat Bekerja

Jadual 5.8 : Taburan Responden Mengikut Bidang Pengajaran di Institusi Tempat Bekerja

Item	Bidang Pengajaran di Institusi Tempat Bekerja	Kekerapan
8	Hadis	1
	Bahasa Arab	1
	Akidah dan Dakwah	1
	Al-Quran dan Farduain	1
	Bahasa Arab dan Hadis	2
	Hadis, Fiqh, Usuluddin, Tasawwuf	2

Jadual di atas menunjukkan seorang responden terlibat dalam pengajaran hadis di institusi tempat bekerja, seorang responden terlibat dalam pengajaran Bahasa Arab, seorang responden terlibat dalam pengajaran Akidah dan Dakwah, seorang responden terlibat dalam pengajaran al-Quran dan Farduain, 2 orang responden terlibat dalam pengajaran Bahasa Arab dan Hadis dan 2 orang responden terlibat dalam pengajaran Hadis, Fiqh, Usuluddin dan Tasawwuf.

9. Tempoh waktu penglibatan dalam pengajaran kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n*

Jadual 5.9 : Taburan Responden Mengikut Tempoh Waktu

Penglibatan dalam Pengajaran Kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n*

Item	Tempoh Waktu Penglibatan dalam Pengajaran Kitab <i>Riya:d al-Sa:lihi:n</i>	Kekerapan
9	Satu hingga dua tahun	1
	Tiga hingga lima tahun	3
	Enam hingga sepuluh tahun	3
	Sebelas hingga lima belas tahun	1

Jadual di atas menunjukkan terdapat seorang responden mempunyai pengalaman satu hingga dua tahun dalam pengajaran kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n*, 3 orang mempunyai pengalaman tiga hingga lima tahun, 3 orang mempunyai pengalaman enam tahun hingga sepuluh tahun dan seorang responden mempunyai pengalaman sebelas hingga lima belas tahun .

10. Teks pengajaran yang digunakan

Jadual 5.10 : Taburan Responden Mengikut Teks Pengajaran yang Digunakan

Item	Teks Pengajaran yang Digunakan	Kekerapan
10	Teks Asal Tanpa Terjemahan	3
	Terjemahan JAKIM	1
	Terjemahan Syeikh Daud al-Bankalisi: Indonesia	1
	Teks Asal Tanpa Terjemahan dan Teks Terjemahan JAKIM	1
	<i>Dali:l al-Fa:lihi:n</i>	1
	<i>Nuzhat al-Muttaqi:n</i>	1

Jadual di atas menunjukkan terdapat 3 orang responden menggunakan teks asal kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* tanpa terjemahan dalam pengajaran mereka, seorang responden menggunakan kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* terjemahan JAKIM, seorang responden menggunakan kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* terjemahan Syeikh Daud al-Bankalisiyy Indonesia, seorang responden menggunakan teks asal kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* tanpa terjemahan dan Teks Terjemahan JAKIM, seorang responden menggunakan kitab *Dali:l al-Fa:lihi:n* dan seorang responden menggunakan kitab *Nuzhat al-Muttaqi:n*.

11. Buku Rujukan

Jadual 5.11 : Taburan Responden Mengikut Buku Rujukan

Item	Buku Rujukan	Kekerapan
11	<i>Dali:l al-Fa:lihi:n</i>	3
	<i>Nuzhat al-Muttaqi:n</i>	1
	<i>Dali:l al-Fa:lihi:n</i> dan <i>Nuzhat al-Muttaqi:n</i>	3
	<i>Dali:l al-Fa:lihi:n</i> dan Kitab-kitab Tafsir	1

Jadual di atas menunjukkan terdapat 3 orang responden menggunakan kitab *Dali:l al-Fa:lihi:n* sebagai rujukan utama dalam pengajaran kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n*, satu orang daripada mereka merujuk kepada kitab *Nuzhat al-Muttaqi:n*, 3 orang daripada mereka merujuk kepada kitab *Dali:l al-Fa:lihi:n* dan *Nuzhat al-Muttaqi:n* dan satu orang daripada mereka menggunakan kitab *Dali:l al-Fa:lihi:n* dan kitab-kitab Tafsir sebagai bahan rujukan.

12. Sebab Memilih Kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* Sebagai Teks Pengajaran

Jadual 5.12 : Taburan Responden Mengikut Sebab Memilih Kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* sebagai Teks Pengajaran

Item	Sebab Memilih Kitab <i>Riya:d al-Sa:lihi:n</i> Sebagai Teks Pengajaran	Kekerapan
12	Ia merupakan kitab tarbiah ruhiah	3
	Ia merupakan kitab karangan ulama agung	2
	Ia merupakan kitab tarbiah ruhiah dan karangan ulama agung.	1
	Ia merupakan kitab tarbiah ruhiah, karangan ulama agung dan bersifat tasawwur Islam	1
	Ia merupakan kitab tarbiah ruhiah, karangan ulama agung dan hadis-hadisnya merupakan cabutan <i>kutub siyah</i> .	1

Jadual di atas menunjukkan terdapat 3 orang responden menyatakan faktor tarbiah ruhiah sebagai sebab utama pemilihan kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* sebagai teks pengajaran mereka, 2 orang menyatakan faktor keagungan penulis sebagai sebab utama pemilihan kitab tersebut. Selain dari itu, terdapat 1 orang responden menyatakan kedua-dua faktor di atas sebagai sebab pemilihan dan 1 orang responden menyatakan kedua-dua faktor di atas dan faktor kandungan kitab tersebut yang bersifat tasawwur Islam sebagai sebab pemilihan. Seterusnya terdapat 1 orang responden menyatakan kedua-dua faktor di atas dan hadis-hadisnya merupakan cabutan *kutub sihah* sebagai sebab utama pemilihan kitab tersebut.

5.2.1.1.1 Rumusan Analisis Soal Selidik Untuk Guru Bahagian A

Keseluruhan responden dari kalangan guru kitab *Ria:d al-Sa:lihi:n* adalah lelaki. Hal ini berlaku disebabkan kebanyakan pendakwah di masjid atau surau di Negara ini didominasikan oleh kaum lelaki. Dari segi umur, kesemua responden berada dalam lingkungan umur yang matang. Mereka berumur di antara 31 hingga 70 tahun.

Selain dari umur, responden juga mempunyai kelayakan akademik dan pengalaman dalam pengajaran kitab berkaitan. Majoriti mereka (7 orang responden) memiliki ijazah Sarjanamuda dalam bidang-bidang pengajian Islam. Sementara itu terdapat 1 orang responden merupakan lulusan pondok. Majoriti mereka (6 orang responden) merupakan graduan universiti Timur Tengah. Hanya 1 orang responden merupakan lulusan institusi tempatan (pondok) dan 1 orang merupakan lulusan universiti tempatan dan Indonesia. Dari segi latihan perguruan, terdapat sebahagian mereka (4 orang responden) pernah mendapat latihan perguruan. Selain itu, mereka terlibat dalam pengajaran kitab *Ria:d al-Sa:lihi:n* dalam tempoh 1 hingga 15 tahun. Majoriti mereka (7 orang responden) terlibat dalam pengajaran kitab tersebut dalam tempoh 3 hingga 15 tahun. Hanya 1

orang responden mempunyai pengalaman dalam pengajaran dalam tempoh 1 hingga 2 tahun.

Dari segi pekerjaan, responden terdiri daripada guru sekolah, pensyarah, Pembantu Hal Ehwal Islam (Imam), pendakwah bebas, Pegawai Latihan Pusat Bahasa Arab dan Pegawai Agama Islam Daerah (Kadi). Pekerjaan mereka umumnya, mempunyai kaitan rapat dengan bidang-bidang ilmu Islam.

Dari segi penggunaan teks pengajaran, dapat dilihat bahawa para responden menggunakan teks yang berbeza. Kebanyakan mereka (3 orang responden) menggunakan teks asal tanpa terjemahan. Selain itu terdapat responden yang menggunakan kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* terjemahan JAKIM, teks terjemahan Syeikh Daud al-Bankalisi: Indonesia, *Dali:l al-Fa:lihi:n*, *Nuzhat al-Muttaqi:n* dan ada di kalangan mereka yang menggunakan 2 teks, iaitu teks asal tanpa terjemahan dan teks terjemahan JAKIM.

Dari segi rujukan pula, kitab *Dali:l al-Fa:lihi:n* menjadi rujukan utama responden dalam pengajaran mereka selain kitab *Nuzhat al-Muttaqi:n*. Bilangan mereka ialah 7 orang. Selain itu terdapat 1 orang responden merujuk kepada kitab-kitab tafsir sebagai rujukan tambahan. Di sini dapat disimpulkan bahawa para responden bersungguh-sungguh dan komited dalam pengajaran mereka.

Dari segi sebab pemilihan kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* sebagai teks pengajaran pula, majoriti responden (6 orang responden) menyatakan faktor tarbiah ruhiah sebagai sebab utama pemilihan mereka selain faktor kesohoran guru yang mengajar, ia bersifat tasawwur Islam dan hadis-hadisnya merupakan cabutan *kutub siyah*.

Daripada dapatan soal selidik bahagian ini secara keseluruhan, dapat dirumuskan bahawa para responden dari kalangan guru kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* mempunyai kelayakan yang cukup untuk mengendalikan pengajaran kitab tersebut. Selain itu mereka juga mempunyai komitmen yang tinggi dalam mengendalikan pengajaran mereka. Berdasarkan temu bual penulis dengan para responden, terdapat responden yang mempelajari serta khatam kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* secara *talaqqi:*. Di samping itu terdapat responden yang mengajar kitab tersebut 3 kali seminggu.⁵⁷⁰

5.2.1.2 Bahagian B Persoalan Kajian

5.2.1.2.1 Analisis Mengikut Item

Soal selidik bahagian B merupakan instrumen penting kepada kajian ini. Bagi mendapat gambaran yang jelas tentang dapatan soal selidik, penulis cuba mempamerkan analisis dapatan tersebut secara jadual. Jadual 5.1 hingga Jadual 5.20 menggambarkan dapatan soal selidik mengikut skala bagi setiap item berdasarkan kekerapan. Dapatan dibuat berpandukan maklum balas 8 orang responden dari kalangan guru kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n*.

Item 1

Jadual 5.13 : Dapatan Item 1

Bil	Item Soalan	Skor	Kekerapan
1	Saya berpandangan bahawa ilmu Balaghah amat penting dalam menghayati makna hadis.	1	0
		2	0
		3	0
		4	4
		5	4
	Jumlah		8

⁵⁷⁰ Hasil temu bual penulis dengan YBhg Ustaz Rosman bin Che Harun, Imam Masjid (salah seorang responden dari kalangan guru) pada 1 hari bulan Ogos 2008, jam 3.00 hingga 4.30 petang bertempat di Masjid Daerah Kuala Krai Kelantan. Penulis dapat beliau mempelajari kitab tersebut secara *talaqqi* dan bersanad semasa menuntut di Universiti al-Azhar al-Syarif Mesir. Selain itu, beliau mengajar kitab tersebut 3 kali seminggu di masjid Daerah Kuala Krai.

Item 1 dalam jadual 5.13 di atas menunjukkan 4 orang responden dari kalangan guru kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* berpandangan bahawa ilmu Balaghah amat penting dalam menghayati makna hadis. Manakala 4 orang responden lagi berpandangan bahawa ia penting bagi tujuan tersebut. Dapatan ini menggambarkan para responden dari kalangan guru kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* mempunyai persepsi yang baik tentang kepentingan ilmu Balaghah dalam penghayatan makna hadis.

Item 2

Jadual 5.14 : Dapatan Item 2

Bil	Item Soalan	Skor	Kekerapan
2	Saya menjelaskan secara terperinci setiap <i>al-'Isti'a:rat</i> yang terdapat pada sesuatu hadis dari segi rukun.	1	0
		2	1
		3	3
		4	3
		5	1
	Jumlah		8

Item 2 dalam jadual 5.14 di atas menggambarkan 4 orang responden bersetuju dan sangat bersetuju dengan pernyataan bahawa mereka menjelaskan secara terperinci setiap *al-'Isti'a:rat* yang terdapat pada sesuatu hadis dari segi rukun. Bagaimanapun terdapat 3 orang responden menyatakan tidak pasti dan 1 orang responden menyatakan tidak setuju. Dapatan ini menggambarkan keperihatinan sebahagian responden terhadap *al-'Isti'a:rat* di dalam sesuatu hadis dan ketidakseriusan sebahagian yang lain.

Item 3

Jadual 5.15 : Dapatan Item 3

Bil	Item Soalan	Skor	Kekerapan
3	Saya menjelaskan secara terperinci rahsia balaghah <i>al-'Isti'a:rat</i> yang terdapat pada sesuatu hadis.	1	0
		2	0
		3	4
		4	4
		5	0
	Jumlah		8

Item 3 dalam jadual 5.15 di atas menggambarkan 4 orang responden bersetuju dengan kenyataan bahawa mereka menjelaskan secara terperinci rahsia balaghah *al-'Isti'a:rat* yang terdapat pada sesuatu hadis. Sebaliknya terdapat 4 orang responden menyatakan tidak pasti. Dapatan ini menggambarkan keperihatinan sebahagian responden terhadap *al-'Isti'a:rat* di dalam sesuatu hadis dan ketidakseriusan sebahagian mereka terhadap perkara tersebut.

Item 4

Jadual 5.16 : Dapatan Item 4

Bil	Item Soalan	Skor	Kekerapan
4	Saya mendatangkan contoh-contoh lain apabila mendapati <i>al-'Isti'a:rat</i> pada sesuatu hadis bagi menjelaskan <i>al-'Isti'a:rat</i> tersebut.	1	0
		2	0
		3	2
		4	4
		5	2
Jumlah		8	

Item 4 dalam jadual 5.16 di atas menggambarkan 6 orang responden sangat bersetuju dan bersetuju dengan penyataan bahawa mereka mendatangkan contoh-contoh lain apabila mendapati *al-'Isti'a:rat* pada sesuatu hadis bagi menjelaskan *al-'Isti'a:rat* tersebut. Selain dari itu terdapat 2 orang responden yang menyatakan tidak pasti. Ini menunjukkan bahawa sebahagian besar guru-guru kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* sensitif terhadap *al-'Isti'a:rat* yang terdapat pada hadis dan cuba memberi faham kepada para pelajar maksud *al-'Isti'a:rat* tersebut.

Item 5

Jadual 5.17 : Dapatan Item 5

Bil	Item Soalan	Skor	Kekerapan
5	Saya sentiasa menyedari kewujudan <i>al-'Isti'a:rat</i> pada sesuatu hadis dan sentiasa mengambil perhatian terhadap <i>al-'Isti'a:rat</i> tersebut semasa menghuraikan hadis.	1	0
		2	0
		3	0
		4	4
		5	4
	Jumlah		8

Item 5 dalam jadual 5.17 menunjukkan semua guru-guru kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* sentiasa menyedari kewujudan *al-'Isti'a:rat* pada sesuatu hadis dan sentiasa mengambil perhatian terhadap *al-'Isti'a:rat* tersebut semasa menghuraikan hadis. Dapatan menunjukkan 4 orang responden berkaitan bersetuju dengan penyataan pada item 5 dan 4 orang responden yang lain menyatakan sangat bersetuju.

Item 6

Jadual 5.18 : Dapatan Item 6

Bil	Item Soalan	Skor	Kekerapan
6	Saya menjawai keindahan makna hadis yang terdapat <i>al-'Isti'a:rat</i> dan cuba menghuraikan keindahan tersebut kepada pelajar.	1	0
		2	0
		3	0
		4	6
		5	2
	Jumlah		8

Dapatan Item 6 menunjukkan semua guru-guru kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* menjawai keindahan makna hadis yang terdapat *al-'Isti'a:rat* dan cuba menghuraikan keindahan tersebut kepada pelajar. Dapatan menunjukkan 6 orang responden berkaitan bersetuju dengan penyataan pada item 6 dan 2 orang responden menyatakan sangat bersetuju. Ini menggambarkan wujudnya penghayatan balaghah *al-'Isti'a:rat* di kalangan guru kitab

Riya:d al-Sa:lihi:n dan wujudnya penerapan nilai balaghah *al-'Isti'a:rat* di kalangan mereka dalam pengajaran hadis.

Item 7

Jadual 5.19 : Dapatan Item 7

Bil	Item Soalan	Skor	Kekerapan
7	Saya seringkali mengaitkan <i>al-'Isti'a:rat</i> yang terdapat pada sesuatu hadis dengan <i>al-'Isti'a:rat</i> dalam bahasa Melayu.	1	0
		2	0
		3	0
		4	5
		5	3
Jumlah			8

Item 7 menunjukkan semua guru-guru kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* seringkali mengaitkan *al-'Isti'a:rat* yang terdapat pada sesuatu hadis dengan *al-'Isti'a:rat* dalam bahasa Melayu. Dapatan menunjukkan 5 orang responden bersetuju dengan pernyataan pada item 7 dan 3 orang responden menyatakan sangat bersetuju.

Item 8

Jadual 5.20 : Dapatan Item 8

Bil	Item Soalan	Skor	Kekerapan
8	Dalam menterjemahkan hadis saya bergantung kepada teks terjemahan yang sedia ada.	1	1
		2	2
		3	1
		4	2
		5	2
Jumlah			8

Item 8 menunjukkan guru-guru kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* yang berkaitan mempunyai cara tersendiri dalam menterjemahkan hadis. Dapatan menunjukkan 2 orang responden bersetuju dengan pernyataan bahawa mereka bergantung kepada teks terjemahan yang sedia ada dalam menterjemahkan hadis. Di samping itu terdapat 2 orang responden sangat bersetuju dengan pernyataan tersebut. Bagaimanapun terdapat 1 orang responden menyatakan tidak pasti, 2 orang responden menyatakan tidak setuju dan 1 orang

responden menyatakan sangat tidak setuju. Penulis berpendapat bahawa kepelbagaian ini berkait rapat dengan kepelbagaian penggunaan teks pengajaran dan buku-buku rujukan. Dari aspek yang lain dapat dilihat bahawa sebahagian guru-guru berkaitan tidak bergantung kepada teks terjemahan yang sedia ada, bahkan mereka lebih bergantung kepada terjemahan sendiri. Hal ini menggambarkan kemantapan guru-guru berkenaan dalam memahami makna hadis.

Item 9

Jadual 5.21 : Dapatan Item 9

Bil	Item Soalan	Skor	Kekerapan
9	Dalam menghuraikan hadis saya bergantung kepada kitab syarah kitab <i>Riya:d al-Sa:lihi:n</i> , seperti <i>Dali:l al-Fa:lihi:n</i> .	1	0
		2	0
		3	0
		4	4
		5	4
	Jumlah		8

Item 9 berkaitan komitmen dan kesungguhan guru-guru kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* yang berkaitan dalam menghuraikan hadis. Kebergantungan kepada kitab syarah dalam menghuraikan hadis boleh membantu guru-guru hadis dalam menjelaskan makna dan maksud hadis tersebut, khususnya hadis-hadis yang mempunyai unsur-unsur balaghah. Dapatan item 9 di atas menunjukkan 4 orang responden bersetuju dengan pernyataan pada item 9 dan 4 orang responden menyatakan sangat bersetuju.

Item 10

Jadual 5.22 : Dapatan Item 10

Bil	Item Soalan	Skor	Kekerapan
10	Secara umum saya berminat menjelaskan permasalahan sesuatu hadis secara balaghah.	1	0
		2	0
		3	3
		4	2
		5	3
	Jumlah		8

Item 10 dalam jadual di atas berkaitan minat guru-guru kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* yang berkaitan dalam menjelaskan permasalahan sesuatu hadis secara balaghah. Jadual di atas menunjukkan 2 orang responden bersetuju dengan penyataan item 10 dan 3 orang responden menyatakan sangat bersetuju. Selain itu, terdapat 3 orang responden menyatakan tidak pasti. Ini menunjukkan majoriti responden suka menjelaskan permasalahan sesuatu hadis secara balaghah.

Item 11

Jadual 5.23 : Dapatan Item 11

Bil	Item Soalan	Skor	Kekerapan
11	Dalam penyampaian secara umum saya merujuk kepada teori Semantik atau sekurang-kurangnya saya terpengaruh dengan teori tersebut.	1	0
		2	1
		3	2
		4	5
		5	0
	Jumlah		8

Item 11 dalam jadual 5.11 di atas menunjukkan 5 orang responden bersetuju dengan penyataan item 11. Selain itu, terdapat 2 orang responden menyatakan tidak pasti dan 1 orang responden menyatakan tidak setuju. Dapatan ini menunjukkan majoriti responden merujuk kepada teori Semantik atau sekurang-kurangnya terpengaruh dengan teori tersebut dalam penyampaian secara umum.

Item 12

Jadual 5.24 : Dapatan Item 12

Bil	Item Soalan	Skor	Kekerapan
12	Dalam penyampaian secara khusus berkaitan <i>al-'Isti'a:rat</i> saya merujuk kepada teori Semantik atau sekurang-kurangnya saya terpengaruh dengan teori tersebut.	1	0
		2	0
		3	1
		4	7
		5	0
	Jumlah		8

Dapatan item 12 menunjukkan 7 orang responden bersetuju dengan pernyataan item 12. Selain itu, terdapat 1 orang responden menyatakan tidak pasti. Ini menunjukkan bahawa hampir keseluruhan responden merujuk kepada teori Semantik atau sekurang-kurangnya terpengaruh dengan teori tersebut dalam penyampaian mereka, khususnya perkara-perkara berkaitan *al-'Isti'a:rat*.

Item 13

Jadual 5.25 : Dapatan Item 13

Bil	Item Soalan	Skor	Kekerapan
13	Kewujudan <i>al-'Isti'a:rat</i> di dalam sesuatu hadis menguatkan lagi maksud hadis tersebut.	1	0
		2	0
		3	0
		4	4
		5	4
	Jumlah		8

Item 13 dalam jadual di atas menunjukkan bahawa guru-guru kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* yang berkaitan mempunyai persepsi bahawa kewujudan *al-'Isti'a:rat* di dalam sesuatu hadis dapat menguatkan lagi maksud hadis tersebut. Dapatan item 13 menunjukkan 4 orang responden bersetuju dengan pernyataan di atas dan 4 orang responden menyatakan sangat bersetuju.

Item 14

Jadual 5.26 : Dapatan Item 14

Bil	Item Soalan	Skor	Kekerapan
14	Berdasarkan pengalaman, kewujudan <i>al-'Isti'a:rat</i> di dalam sesuatu hadis tidak menyulitkan saya dalam menterjemahkan hadis tersebut dan menghuraikan maksudnya.	1	0
		2	0
		3	1
		4	4
		5	3
	Jumlah		8

Item 14 dalam jadual di atas menggambarkan pandangan responden tentang pengalaman mereka berkaitan kesan *al-'Isti'a:rat* terhadap proses terjemahan sesuatu

hadis dan huraian maksudnya. Dapatan item 14 menunjukkan 4 orang responden bersetuju dengan pernyataan bahawa kewujudan *al-'Isti'a:rat* di dalam sesuatu hadis tidak menyulitkan terjemahan hadis tersebut dan huraian maksudnya. Di samping itu 3 orang responden menyatakan sangat bersetuju. Selain dari itu 1 orang responden menyatakan tidak pasti.

Item 15

Jadual 5.27 : Dapatan Item 15

Bil	Item Soalan	Skor	Kekerapan
15	Berdasarkan pengalaman, kewujudan <i>al-'Isti'a:rat</i> di dalam sesuatu hadis memberi kesan kepada para murid dari segi penghayatan makna dan maksud yang tersirat.	1	0
		2	0
		3	0
		4	4
		5	4
	Jumlah		8

Item 15 menunjukkan kewujudan *al-'Isti'a:rat* di dalam sesuatu hadis memberi kesan kepada para murid dari segi penghayatan makna dan maksud yang tersirat. Dapatan item 15 menunjukkan 4 orang responden bersetuju dengan pernyataan di atas dan 4 orang responden menyatakan sangat bersetuju.

Item 16

Jadual 5.28 : Dapatan Item 16

Bil	Item Soalan	Skor	Kekerapan
16	Saya menggunakan alat bantu mengajar selain dari buku teks semasa mengendalikan pengajaran.	1	1
		2	0
		3	5
		4	2
		5	0
	Jumlah		8

Item 16 berkaitan penggunaan alat bantu mengajar di kalangan guru-guru kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* yang berkaitan. Dapatan menggambarkan majoriti guru-guru kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* yang berkaitan kurang menggunakan alat bantu mengajar dalam pengajaran

mereka. Dapatan menunjukkan hanya 2 orang responden bersetuju dengan item di atas. Manakala 5 orang responden menyatakan tidak pasti dan 1 orang responden amat tidak bersetuju.

Item 17

Jadual 5.29 : Dapatan Item 17

Bil	Item Soalan	Skor	Kekerapan
17	Penggunaan alat bantu mengajar dapat membantu saya dalam menerangkan hadis Rasulullah s.a.w., khususnya hadis-hadis berkaitan <i>al-'Isti'a:rat</i> .	1	0
		2	0
		3	1
		4	5
		5	2
	Jumlah		8

Item 17 berkaitan persepsi responden tentang kesan penggunaan alat bantu mengajar dalam menerangkan hadis Rasulullah s.a.w., khususnya hadis-hadis berkaitan *al-'Isti'a:rat*. Dapatan menunjukkan 5 orang responden bersetuju dengan penyataan di atas dan 2 orang responden amat bersetuju. Manakala 1 orang responden menyatakan tidak pasti.

Item 18

Jadual 5.30 : Dapatan Item 18

Bil	Item Soalan	Skor	Kekerapan
18	Penggunaan alat bantu mengajar dapat menjimatkan masa penjelasan dan pengajaran.	1	0
		2	0
		3	2
		4	3
		5	3
	Jumlah		8

Item 18 menunjukkan 3 orang responden bersetuju dengan penyataan bahawa penggunaan alat bantu mengajar dapat menjimatkan masa penjelasan dan pengajaran. Manakala 3 orang responden amat bersetuju dengan penyataan tersebut. Selain itu 2 orang responden dari mereka menyatakan tidak pasti.

Item 19

Jadual 5.31 : Dapatan Item 19

Bil	Item Soalan	Skor	Kekerapan
19	Minat pelajar terhadap sesuatu matapelajaran dipengaruhi oleh penggunaan alat bantu mengajar.	1	0
		2	0
		3	0
		4	5
		5	3
	Jumlah		8

Item 19 berkaitan kesan alat bantu mengajar terhadap minat pelajar. Dapatan menunjukkan 5 orang responden bersetuju dengan pernyataan item 19. Manakala 3 orang responden menyatakan sangat bersetuju.

Item 20

Jadual 5.32 : Dapatan Item 20

Bil	Item Soalan	Skor
20	Penggunaan alat bantu mengajar merupakan perkara penting dalam memastikan keberkesanan pengajaran selain dari perkara-perkara lain.	1
		2
		3
		4
		5
	Jumlah	

Item 20 berkaitan kepentingan penggunaan alat bantu mengajar dalam memastikan keberkesanan pengajaran. Dapatan menunjukkan 5 orang responden bersetuju dengan pernyataan item 20 dan 3 orang responden amat bersetuju.

Berdasarkan dapatan item 17 hingga item 20 dapat disimpulkan bahawa majoriti guru-guru kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* yang berkaitan berpandangan bahawa penggunaan alat bantu mengajar amat penting dalam pengajaran.

5.2.1.2.2 Analisis Soal Selidik Untuk Guru Berdasarkan Kategori Soalan

Secara keseluruhan, item soal selidik untuk guru dalam kajian ini terbahagi kepada 7 bahagian berikut :

1. Persepsi guru tentang kepentingan ilmu Balaghah dalam menghayati makna hadis. Bahagian ini terdiri daripada item 1.
2. Persepsi guru tentang kesan *al-'Isti'a:rat* terhadap makna hadis. Bahagian ini terdiri daripada item 13.
3. Kesan *al-'Isti'a:rat* terhadap terjemahan hadis dan huraiyan maksudnya di kalangan guru. Bahagian ini terdiri daripada item 14.
4. Kesan *al-'Isti'a:rat* dalam penghayatan makna dan maksud hadis yang tersirat di kalangan pelajar. Bahagian ini terdiri daripada item 15.
5. Penghayatan *al-'Isti'a:rat* dalam menyampaikan maksud hadis di kalangan guru. Bahagian ini terdiri daripada item 2,3,4,5,6,7 dan 12.
6. Rujukan terjemahan dan huraiyan. Bahagian ini terdiri daripada item 8 dan 9.
7. Penghayatan *Balaghah* dan teori Semantik secara umum dalam menyampaikan maksud hadis. Bahagian ini terdiri daripada item 10 dan 11.
8. Persepsi guru tentang kepentingan ABM dalam pengajaran. Bahagian ini terdiri daripada item 17, 18, 19 dan 20.
9. Penggunaan ABM dalam pengajaran. Bahagian ini terdiri daripada item 16.

Jadual 5.33 di bawah ini menggambarkan taburan peratusan dapatan soal selidik untuk guru berdasarkan kategori.

Jadual 5.33 : Dapatan Soal Selidik untuk Guru Berdasarkan Kategori

Bahagian		Dapatan Mengikut skala					
Bil.	Bahagian	STS 1	TS 2	TP 3	S 4	SS 5	Peratusan
1	Bahagian 1 (Item 1)	0	0	0	4 16	4 20	90.00

Jadual 5.33, sambungan.

Bahagian		Dapatan Mengikut skala					
Bil.	Bahagian	STS 1	TS 2	TP 3	S 4	SS 5	Peratusan
2	Bahagian 2 (Item 13)	0	0	0	4 16	4 20	90.00
3	Bahagian 3 (Item 14)	0	0	1	4 16	3 15	77.50
4	Bahagian 4 (Item 15)	0	0	0	4 16	4 20	90.00
5	Bahagian 5 Item 2	0	1 2	3 9	3 12	1 5	70.00
	Item 3	0	0	4 12	4 16	0	70.00
	Item 4	0	0	2 6	4 16	2 10	80
	Item 5	0	0	0	4 16	4 20	90.00
	Item 6	0	0	0	6 24	2 10	85
	Item 7	0	0	0	5 20	3 15	87.50
	Item 12	0	0	1 3	7 28	0	77.50
	Purata Bahagian 5	0	1 2	10 30	33 132	12 60	80.00
6	Bahagian 6 Item 8	1 1	2 4	1 3	2 8	2 10	65.00
	Item 9	0	0	0	4 16	4 20	90.00
	Purata Bahagian 6	1 1	2 4	1 3	6 24	6 30	77.50
7	Bahagian 7 Item 10	0	0	3 9	2 8	3 15	80
	Item 11	0	1 2	2 6	5 20	0	70.00
	Purata Bahagian 7	0	1 2	5 15	7 28	3 15	75.00
8	Bahagian 8 Item 17	0	0	1 3	5 20	2 10	82.50
	Item 18	0	0	2 6	3 12	3 15	82.50
	Item 19	0	0	0	5 20	3 15	87.50
	Item 20	0	0	0	5 20	3 15	87.50
	Purata Bahagian 8	0	0	3 9	18 72	11 55	85.00

Jadual 5.33, sambungan.

Bahagian		Dapatan Mengikut skala					
Bil.	Bahagian	STS 1	TS 2	TP 3	S 4	SS 5	Peratusan
9	Bahagian 9 Item 16	1 1	0 15	5 8	2 8	0 60.00	

Daripada jadual di atas dapat disimpulkan bahawa peratusan dapatan soal selidik keseluruhan bagi setiap bahagian berada di antara 60.00% hingga 90.00%. Peratusan dapatan bahagian 9 berada pada tahap yang terendah, iaitu 60.00%. Manakala bahagian 1, 2, dan 4 berada pada tahap yang tertinggi, iaitu 90.00%.

5.2.1.2.3 Rumusan Analisis Soal Selidik Untuk Guru Bahagian B

Berdasarkan pembahagian di atas, penulis menjadikan soal selidik bahagian 1, 2, 3, 4, 5 dan 7 sebagai asas utama kepada penilaian keberkesanan teori *al-'Isti'a:rat* dalam penghayatan makna hadis di kalangan guru kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* yang berkenaan. Dapatan soal selidik bahagian-bahagian tersebut dapat dilihat pada Jadual 5.34 di bawah ini.

Jadual 5.34 : Dapatan Soal Selidik Bahagian 1, 2, 3, 4, 5 dan 7

Bil	Bahagian	Jumlah Markah	Peratusan
1	Bahagian 1 Persepsi guru terhadap kepentingan balaghah dan <i>al-'Isti'a:rat</i> dalam menghayati makna hadis. Bahagian ini terdiri daripada item 1.	36	90.00
2	Bahagian 2 Persepsi guru tentang kesan <i>al-'Isti'a:rat</i> terhadap makna hadis. Bahagian ini terdiri daripada item 13.	36	90.00
3	Bahagian 3 Kesan <i>al-'Isti'a:rat</i> terhadap terjemahan hadis dan huraiyan maksudnya di kalangan guru. Bahagian ini terdiri daripada item 14.	31	77.50

Jadual 5.34, sambungan.

Bil	Bahagian	Jumlah Markah	Peratusan
4	Bahagian 4 Kesan <i>al-'Isti'a:rat</i> dalam penghayatan makna dan maksud hadis yang tersirat di kalangan pelajar. Bahagian ini terdiri daripada item15.	36	90.00
5	Bahagian 5 Penghayatan <i>al-'Isti'a:rat</i> dalam menyampaikan maksud hadis di kalangan guru. Bahagian ini terdiri daripada item 2,3,4,5,6,7 dan12.	224	80.00
6	Bahagian 7 Penghayatan <i>Balaghah</i> dan teori Semantik secara umum dalam menyampaikan maksud hadis. Bahagian ini terdiri daripada item 10 dan 11.	60	75.00
Peratusan Dapatan Keseluruhan		423	81.35

Jadual di atas menunjukkan peratusan dapatan keseluruhan bagi soal selidik bahagian 1, 2, 3, 4, 5 dan 7 yang menjadi asas penilaian kepada kajian ini mencapai 81.35%. Dapatan ini menggambarkan keberkesanan teori *al-'Isti'a:rat* dalam penghayatan makna hadis-hadis kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* di kalangan guru-guru kitab tersebut di Semenanjung Malaysia.

Selain dari perkara di atas, rujukan terjemahan dan huraian (bahagian 6), persepsi guru terhadap kepentingan ABM dalam pengajaran (bahagian 8) dan penggunaan ABM dalam pengajaran (bahagian 9) dapat dilihat sebagai perkara-perkara yang mewarnai amalan pengajaran. Bagaimanapun ia tidak menjadi perkara yang mempengaruhi penilaian keberkesanan teori *al-'Isti'a:rat* dalam penghayatan makna hadis.

5.2.2 Analisis Soal Selidik Untuk Pelajar

Soal selidik untuk pelajar bagi kajian ini mempunyai dua bahagian sebagaimana Soal selidik untuk guru, iaitu bahagian A dan bahagian B. Bahagian A berkaitan latar belakang pelajar manakala bahagian B pula berkaitan persoalan kajian.

5.2.2.1 Bahagian A Latar Belakang Pelajar

Soal selidik bahagian ini bertujuan mengenalpasti latar belakang pelajar kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* yang terlibat sebagai responden kajian ini. Antara perkara yang berkaitan latar belakang peajar yang diketengahkan di dalam bahagian ini ialah jantina responden, umur, pekerjaan, kelulusan, institusi tempat belajar, sebab mempelajari kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n*, status di dalam kelas pengajian, tempoh waktu penglibatan dalam pengajian kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n*, teks pengajian yang digunakan, pandangan tentang matapelajaran ini dari segi kefahaman, pandangan tentang keberkesanan matapelajaran ini dalam pembentukan sahsiah dan pengalaman pembelajaran *al-'Isti'ārat* sebelum ini.

Berdasarkan dapatan soal selidik penulis dapat merumuskan kesimpulan- kesimpulan berikut:

1. Jantina

Jadual 5.35 : Taburan Responden Mengikut Jantina

Item	Jantina	Kekerapan	Peratus
1	Lelaki	33	86.84
	Perempuan	5	13.16
	Jumlah	38	100

Jadual di atas menunjukkan 33 orang responden (86.84%) dari kalangan pelajar kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* yang terlibat dalam kajian ini adalah lelaki dan 5 responden (13.16%) adalah perempuan.

2. Umur Responden

Jadual 5.36 : Taburan Responden Mengikut Umur

Item	Umur	Kekerapan	Peratus
2	20-30 tahun	6	15.79
	31-40 tahun	4	10.53
	41-50 tahun	6	15.79
	51-60 tahun	17	44.74
	61-70 tahun	3	7.89
	71-90 tahun	1	2.63
	Tidak memberi maklum balas	1	2.63

Jadual di atas menunjukkan terdapat 10 orang responden (26.32%) berumur dalam lingkungan 20 hingga 40 tahun, 23 orang (60.53%) berumur dalam lingkungan 41 hingga 60 tahun dan 4 orang (10.53%) berumur dalam lingkungan 61 hingga 90 tahun. Umur responden secara keseluruhan di antara 20 hingga 90 tahun. Selain dari itu, terdapat 1 orang responden tidak memberi maklum balas.

3. Pekerjaan

Jadual 5.37 : Taburan Responden Mengikut Bidang Pekerjaan

Item	Pekerjaan	Kekerapan	Peratus
3	Bersara	13	34.21
	K. Kerajaan	7	18.42
	K.Swasta	2	5.26
	K.Pengurusan Masjid	5	13.16
	Berniaga	3	7.89
	Buruh	2	5.26
	Tukang Jahit	1	2.6

Jadual 5.37, sambungan.

Item	Pekerjaan	Kekerapan	Peratus
3	Suri Rumah	2	5.26
	Tidak Bekerja (warga emas)	1	2.63
	Pelajar	1	2.63
	Tidak memberi maklum balas	1	2.63

Jadual di atas menunjukkan 13 orang responden (34.21%) dari kalangan pelajar kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* yang terlibat dalam kajian ini merupakan pesara kerajaan dan 7 responden (18.42%) merupakan kakitangan kerajaan. Manakala 2 orang responden (5.26%) merupakan kakitangan swasta, 5 orang responden (13.16%) merupakan kakitangan pengurusan masjid. Selain itu terdapat 3 orang responden (7.89%) merupakan peniaga, 2 orang responden (5.26%) merupakan buruh, 1 orang responden (2.63%) merupakan tukang jahit, 2 orang responden (5.26%) merupakan suri rumah, 1 orang responden (2.63%) merupakan warga emas yang tidak bekerja dan 1 orang responden (2.63%) merupakan pelajar. Bagaimanapun terdapat 1 orang responden (2.63%) tidak memberi maklum balas.

4. Kelulusan Tertinggi

Jadual 5.38 : Taburan Responden Mengikut Kelulusan Tertinggi

Item	Kelulusan Tertinggi	Kekerapan	Peratus
4	SPM	15	39.47
	STA	4	10.53
	STPM	3	7.89
	Diploma	4	10.53
	Sarjanamuda	6	15.79

Jadual 5.38, sambungan.

Item	Kelulusan Tertinggi	Kekerapan	Peratus
4	Sarjana	1	2.63
	Pendidikan Tidak Formal	3	7.89
	Tahap 3 Sekolah Inggeris	1	2.63
	Tidak memberi maklum balas	1	2.63

Jadual di atas menunjukkan 15 orang responden (39.47%) memiliki Sijil Pelajaran Malaysia, 4 orang responden (10.53%) memiliki Sijil Tinggi Agama dan 3 orang responden (7.89%) memiliki Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia, 4 orang responden (10.53%) memiliki Diploma, 6 orang responden (15.79%) memiliki Sarjanamuda dan 1 orang responden (2.63%) memiliki Sarjana. Selain itu, terdapat 4 orang responden (7.89%) mendapat pendidikan tidak formal, 1 orang responden (2.63%) mendapat pendidikan tahap 3 sekolah Inggeris dan 1 orang responden (2.63%) tidak memberi maklum balas. Dapatan ini menggambarkan kepelbagaiannya pelajar kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* dari segi latar belakang pendidikan.

5. Lulusan dari institusi (Institusi pengajian)

Jadual 5.39 : Taburan Responden Mengikut Institusi Pengajian

Item	Institusi Pengajian	Kekerapan	Peratus
5	Agama	12	31.58
	Pendidikan biasa	23	60.53
	Pendidikan Tidak Formal	2	5.26
	Tidak memberi maklum balas	1	2.63

Jadual di atas menunjukkan kebanyakan responden mendapat pendidikan biasa. Peratusan mereka ialah 60.53% (23 orang). Manakala 31.58% (12 orang) responden mendapat pendidikan dari institusi agama. Selain itu terdapat 5.26% (2 orang)

responden mendapat pendidikan tidak formal. Bagaimanapun terdapat 1 orang responden tidak memberi maklum balas.

6. Sebab utama mempelajari kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* :

Jadual 5.40 : Taburan Responden Mengikut Sebab Utama Mempelajari Kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n*

Item	Sebab utama mempelajari kitab <i>Riya:d al-Sa:lihi:n</i>	Kekerapan	Peratus
6	Minat dalam pengajian hadis	21	55.26
	Kesohoran guru yang mengajar	2	5.26
	Ia merupakan kitab tarbiah ruhiah	10	26.32
	Tambah ilmu	1	2.63
	Minat dalam pengajian hadis dan kesohoran guru yang mengajar	4	10.53

Dapatan dalam jadual di atas menunjukkan terdapat 21 orang responden (55.26%) menyatakan faktor minat dalam pengajian hadis sebagai sebab utama pembelajaran kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n*. Sementara itu terdapat 2 orang responden (5.26%) menyatakan faktor kesohoran guru yang mengajar. Manakala 10 orang responden (26.32%) menyatakan faktor tarbiah ruhiah sebagai sebab utama pembelajaran kitab tersebut. Seterusnya 1 orang responden (2.63%) menyatakan faktor cintakan ilmu. Selain itu terdapat 4 orang responden (10.53%) menyatakan faktor minat dalam pengajian hadis dan kesohoran guru yang mengajar sebagai sebab utama pembelajaran tersebut.

7. Status di dalam Kelas

Jadual 5.41 : Taburan Responden Mengikut Status di dalam Kelas

Item	Status di dalam Kelas	Kekerapan	Peratus
7	Murid	14	36.84
	Pendengar	24	63.16

Dapatan menggambarkan majoriti pelajar kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* yang menjadi responden kajian ini merupakan pendengar kepada kelas pengajian kitab tersebut. Peratusan mereka ialah 63.16%. Sementara itu, 36.84% dari mereka merupakan murid. Perbezaan pelajar dari segi status, samada sebagai pendengar ataupun murid merupakan kayu ukur kepada komitmen pelajar berkenaan dalam pengajian mereka dari segi kehadiran dan penggunaan teks.

8. Tempoh waktu penglibatan dalam pengajian kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n*

Jadual 5.42 : Taburan Responden Mengikut Tempoh Waktu Penglibatan dalam Pengajian Kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n*

Item	Tempoh Waktu Penglibatan dalam Pengajian Kitab <i>Riya:d al-Sa:lihi:n</i>	Kekerapan	Peratus
8	6 bulan hingga 1 tahun	13	34.21
	Satu hingga dua tahun	18	47.37
	Kurang dari 6 bulan	1	2.63
	Lebih dari dua tahun	1	2.63
	Tidak memberi maklum balas	5	13.16

Jadual di atas menunjukkan terdapat 13 orang responden (34.21%) telah mengikuti pengajian kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* dalam tempoh 6 bulan hingga 1 tahun, 18 orang responden (47.37%) telah mengikuti pengajian tersebut dalam tempoh 1 hingga 2 tahun dan 1 orang responden (2.63%) telah mengikuti pengajian lebih dari 2 tahun. Selain itu,

terdapat 1 orang responden (2.63%) telah mengikuti pengajian kurang dari 6 bulan dan 5 orang responden (13.16%) tidak memberi maklum balas.

9. Teks pembelajaran yang digunakan

Jadual 5.43 : Taburan Responden Mengikut Teks Pembelajaran yang Digunakan

Item	Teks Pembelajaran yang Digunakan	Kekerapan	Peratus
9	Kitab	34	89.47
	Kertas edaran	3	7.89
	Tanpa teks	1	2.63

Jadual di atas menunjukkan 34 (89.47%) responden menggunakan kitab sebagai teks pembelajaran mereka dalam pengajian kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n*. Sementara itu terdapat 3 orang responden menggunakan kertas edaran dan 1 orang responden tidak menggunakan kitab dan kertas edaran sebagai teks pembelajaran.

10. Tahap Pemahaman Responden

Jadual 5.44 : Taburan Responden Mengikut Tahap Pemahaman Terhadap Matapelajaran Berkaitan

Item	Tahap Pemahaman Responden Terhadap Matapelajaran Berkaitan	Kekerapan	Peratus
10	Amat mudah difahami	13	34.21
	Mudah difahami	23	60.53
	Sukar difahami	1	2.63
	Amat sukar difahami	0	0
	Tidak memberi maklum balas	1	2.63

Jadual di atas menggambarkan tahap pemahaman pelajar kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* yang menjadi responden kajian ini memberangsangkan. Dapatkan menunjukkan majoriti responden menyatakan matapelajaran berkenaan mudah difahami. Peratusan dapatan tersebut ialah 13 orang responden (34.21%) menyatakan matapelajaran berkenaan amat

mudah difahami dan 23 orang responden (60.53%) menyatakan ia mudah difahami. Bagaimanapun terdapat 1 orang responden (2.63%) menyatakan ia sukar difahami. Selain itu terdapat 1 orang responden (2.63%) tidak memberi maklum balas.

11. Keberkesanan Matapelajaran Berkaitan dalam Pembentukan Sahsiah

Jadual 5.45 : Taburan Responden Mengikut Pandangan Mereka tentang Keberkesanan Matapelajaran Berkaitan dalam Pembentukan Sahsiah

Item	Pandangan Responden tentang Keberkesanan Matapelajaran Berkaitan dalam Pembentukan Sahsiah	Kekerapan	Peratus
11	Amat berkesan	17	44.74
	Berkesan	20	52.63
	Tidak berkesan	1	2.63

Jadual di atas menggambarkan persepsi pelajar kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* yang menjadi responden kajian ini tentang keberkesanan matapelajaran berkaitan dalam pembentukan sahsiah. Dapatan menunjukkan majoriti responden menyatakan matapelajaran berkenaan berkesan dalam pembentukan sahsiah. Peratusan dapatan tersebut ialah 17 orang responden (44.74%) menyatakan matapelajaran berkenaan amat berkesan dalam pembentukan sahsiah dan 20 orang responden (52.63%) menyatakan berkesan. Bagaimanapun terdapat 1 orang responden (2.63%) menyatakan ia tidak berkesan.

12. Pengalaman pelajar dalam pembelajaran *al-'Isti'rat* sebelum ini.

Jadual 5.46 : Taburan Responden Mengikut Pengalaman dalam Pengajian Kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n*

Item	Pengalaman Responden dalam Pengajian Kitab <i>Riya:d al-Sa:lihi:n</i>	Kekerapan	Peratus
12	Pernah	12	31.58
	Tidak Pernah	26	68.42

Dapatan dalam jadual di atas menunjukkan 68.42% (26 orang) responden dari kalangan pelajar kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* memberi maklum balas bahawa mereka tidak pernah mempelajari *al-'Isti'a:rat* sebelum ini. Sebaliknya hanya 31.58% (12 orang) responden memberi maklum balas bahawa mereka pernah mempelajarinya. Oleh yang demikian penulis mendapat maklum balas yang lengkap (merangkumi bahagian A dan B) hanya daripada 12 orang responden (31.58%) dari kalangan pelajar kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n*.

5.2.2.1.1 Rumusan Analisis Soal Selidik Untuk Pelajar Bahagian A

Jumlah responden dari kalangan pelajar kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* yang terlibat dalam kajian ini ialah 38 orang. Daripada jumlah tersebut, 33 orang responden (86.84%) adalah lelaki dan 5 orang responden (13.16%) adalah perempuan. Mereka berumur di antara 20 hingga 70 tahun.

Dari segi pekerjaan, sebahagian besar responden terdiri daripada pesara kerajaan (34.21%), kakitangan kerajaan (18.42%) dan kakitangan pengurusan masjid (13.16%) selain kakitangan swasta, peniaga, buruh, tukang jahit, suri rumah, warga emas yang tidak bekerja dan pelajar. Bagaimanapun terdapat 1 orang responden (2.63%) tidak memberi maklum balas.

Dari segi kelulusan, para responden dari kalangan pelajar kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* mempunyai latar belakang pendidikan yang berbeza. Dapatan menunjukkan peratusan responden yang mempunyai kelulusan SPM hinggalah keperingkat Sarjana ialah 86.84%. Manakala responden yang lain terdiri daripada mereka yang tidak mendapat pendidikan formal atau mendapat pendidikan di bawah peringkat menengah. Bagaimanapun terdapat 1 orang responden tidak memberi maklum balas. Ini menggambarkan majoriti responden merupakan golongan terpelajar. Selain itu dapat dilihat bahawa 31.58% dari kalangan mereka merupakan lulusan institusi agama. Manakala 60.53 merupakan lulusan pendidikan biasa.

Dari segi sebab pembelajaran kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* pula, majoriti responden (65.79%) menyatakan faktor minat dalam pengajian hadis sebagai sebab utama pembelajaran kitab tersebut. Selain itu, faktor tarbiah ruhiah, kesohoran guru yang mengajar dan sebagai usaha untuk menambahkan ilmu pengetahuan juga menjadi faktor kepada pembelajaran kitab tersebut.

Dari sudut yang lain, majoriti responden (63.16%) merupakan pendengar kepada kelas pengajian kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n*. Hanya 36.84% dari kalangan responden merupakan murid. Hal ini merupakan perkara biasa kerana kelas pengajian yang terlibat dalam kajian ini dijalankan di masjid-masjid. Manakala pelajarnya pula terdiri dari kalangan orang awam. Selain itu ia bersifat tidak formal dan terbuka.

Dari segi tempoh waktu penglibatan dalam pengajian kitab *Riya: d al- Salih: n*, majoriti responden (84.21%) mengikuti pengajian kitab ini dalam tempoh 6 bulan hingga melebihi 2 tahun. Selain itu, terdapat 1 orang responden (2.63%) mengikuti kelas pengajian kurang dari 6 bulan. Bagaimanapun terdapat 5 orang responden (13.16%) tidak memberi maklum balas. Hal ini berlaku mungkin disebabkan responden berkenaan tidak menghadiri kelas pengajian secara konsisten. Secara keseluruhan dapat disimpulkan bahawa perkara ini dapat dirujuk kepada perkara yang dibincangkan sebelum ini.

Dari segi teks pembelajaran yang digunakan, 89.47% responden menggunakan kitab sebagai teks pembelajaran, manakala 7.89% dari kalangan mereka menggunakan kertas edaran dan 2.63% tidak menggunakan sebarang teks. Ini menunjukkan kesungguhan dan komitmen responden dalam pembelajaran mereka.

Dari segi tahap pemahaman responden dalam matapelajaran berkaitan dan pandangan mereka tentang keberkesanan matapelajaran berkaitan dalam pembentukan sahsiah, para responden mempunyai pandangan yang amat positif terhadap kedua-dua perkara tersebut. 94.74% responden menyatakan tahap pemahaman mereka dalam matapelajaran berkaitan mencapai tahap mudah difahami.

Selain itu, 97.37% daripada mereka berpandangan bahawa ia mencapai tahap berkesan dalam pembentukan sahsiah. Ini menggambarkan keberkesanan guru dalam pengajaran mereka. Hal ini bersesuaian dengan hasrat Imam al-Nawawi:, penulis kitab ini untuk menjadikannya sebagai kitab tarbiah diri dan wasilah mendekatkan diri kepada Allah SWT.

Selain dari perkara di atas, item berkaitan pengalaman responden dalam pengajian *al-'Isti'a:rat* juga diketengahkan. Ia sebagai pra syarat kepada responden untuk memberi maklum balas terhadap item berikutnya di bahagian B. Berdasarkan dapatan kajian, hanya 31.58% responden (12 orang) pernah mempelajari *al-'Isti'a:rat* sebelum ini. Manakala 68.42% responden (26 orang) tidak pernah mempelajarinya. Oleh yang demikian hanya 12 orang responden yang akan memberi maklum balas berkaitan persoalan kajian (soal selidik bahagian B).

5.2.2.2 Bahagian B Persoalan Kajian

5.2.2.2.1 Analisis Mengikut Item

Soal selidik untuk pelajar bahagian B berkaitan dengan persoalan kajian. Analisis soal selidik bahagian ini dipamerkan secara jadual sebagaimana soal selidik untuk guru. Jadual 5.35 hingga 5.51 menggambarkan dapatan soal selidik mengikut skala bagi setiap item berasaskan maklum balas 12 orang responden dari kalangan pelajar kitab

Riya:d al-Sa:lihi:n yang terlibat dalam kajian ini. Jumlah tersebut mewakili 31.58% daripada jumlah seluruhan responden, iaitu 38 orang. Selain dari itu, nilai skala dibuat berasaskan nilai skala pada analisis soal selidik untuk guru.

Item 1

Jadual 5.47 : Dapatan Item 1

Bil	Item Soalan	Skor	Kekerapan
1	Saya berpandangan bahawa pemahaman <i>al-'Isti'a:rat</i> amat penting dalam memahami makna hadis.	1	0
		2	0
		3	0
		4	9
		5	3
	Jumlah		12

Item 1 dalam jadual 5.47 di atas menunjukkan 3 orang responden dari kalangan pelajar kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* berpandangan bahawa pemahaman *al-'Isti'a:rat* amat penting dalam memahami makna hadis. Manakala 9 orang responden lagi berpandangan bahawa ia penting bagi tujuan tersebut. Dapatan ini menggambarkan para responden dari kalangan pelajar kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* mempunyai pesepsi yang baik tentang kepentingan *al-'Isti'a:rat* dalam penghayatan makna hadis.

Item 2

Jadual 5.48 : Dapatan Item 2

Bil	Item Soalan	Skor	Kekerapan
2	Saya tahu bahawa hadis Rasulullah s.a.w. mempunyai <i>al-'Isti'a:rat</i> dan unsur-unsur kesusasteraan yang indah.	1	0
		2	0
		3	0
		4	3
		5	9
	Jumlah		12

Item 2 dalam jadual 5.48 di atas menunjukkan 9 orang responden dari kalangan pelajar kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* menyatakan amat bersetuju dengan pernyataan bahawa mereka

tahu tentang kewujudan *al-'Isti'a:rat* dan unsur-unsur kesusasteraan yang indah di dalam hadis Rasulullah s.a.w. Manakala 3 orang responden lagi menyatakan bersetuju dengan pernyataan tersebut. Dapatkan ini menggambarkan majoriti responden dari kalangan pelajar kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* mempunyai pengetahuan tentang perkara tersebut.

Item 3

Jadual 5.49 : Dapatkan Item 3

Bil	Item Soalan	Skor	Kekerapan
3	Saya dapat rasakan keindahan bahasa Arab melalui penghayatan makna hadis-hadis kitab <i>Riya:d al-Sa:lihi:n</i> .	1	0
		2	0
		3	0
		4	2
		5	10
	Jumlah		12

Item 3 dalam jadual 5.49 di atas menunjukkan majoriti pelajar kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* dapat menghayati keindahan bahasa Arab melalui penghayatan makna hadis-hadis kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n*. Dapatkan menunjukkan 2 orang responden dari kalangan pelajar-pelajar berkaitan bersetuju dengan pernyataan pada item 3 di atas dan 10 orang daripada mereka menyatakan sangat bersetuju.

Item 4

Jadual 5.50 : Dapatkan Item 4

Bil	Item Soalan	Skor	Kekerapan
4	Saya dapat rasakan keindahan bahasa Arab melalui <i>al-'Isti'a:rat</i> yang terdapat di dalam hadis-hadis kitab tersebut.	1	0
		2	0
		3	0
		4	3
		5	9
	Jumlah		12

Dapatkan Item 4 di atas menunjukkan majoriti para pelajar kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* yang menjadi responden kajian ini menjawai keindahan bahasa Arab melalui *al-'Isti'a:rat*

yang terdapat di dalam hadis-hadis kitab tersebut. Dapatan menunjukkan 3 orang responden dari kalangan pelajar berkaitan bersetuju dengan penyataan pada item 4 dan 9 orang responden dari kalangan mereka menyatakan sangat bersetuju. Ini menggambarkan wujudnya penghayatan balaghah *al-'Isti'a:rat* di kalangan pelajar kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n*.

Item 5

Jadual 5.51 : Dapatan Item 5

Bil	Item Soalan	Skor	Kekerapan
5	Saya seringkali membayangkan perbandingan di antara <i>al-'Isti'a:rat</i> di dalam hadis dan bahasa Melayu semasa mengikuti pengajian kitab tersebut.	1	0
		2	0
		3	2
		4	7
		5	3
	Jumlah		12

Item 5 dalam jadual 5.51 di atas menunjukkan majoriti pelajar kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* yang menjadi responden kajian ini seringkali membayangkan perbandingan di antara *al-'Isti'a:rat* di dalam hadis dan bahasa Melayu semasa mengikuti pengajian kitab tersebut. Dapatan menunjukkan 7 orang responden dari kalangan pelajar berkaitan bersetuju dengan penyataan pada item 5 dan 3 orang responden dari kalangan mereka menyatakan sangat bersetuju. Selain itu terdapat 2 orang responden menyatakan tidak pasti.

Item 6

Jadual 5.52 : Dapatan Item 6

Bil	Item Soalan	Skor	Kekerapan
6	Saya sentiasa berminat mempelajari hadis-hadis yang mempunyai <i>al-'Isti'a:rat</i> .	1	0
		2	0
		3	0
		4	8
		5	3
	Jumlah	0	1
	Jumlah		12

Item 6 dalam jadual 5.52 menunjukkan majoriti pelajar kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* yang berkaitan sentiasa berminat mempelajari hadis-hadis yang mempunyai *al-'Isti'a:rat*. Dapatan menunjukkan 8 orang responden dari kalangan pelajar berkaitan bersetuju dengan pernyataan pada item 6 di atas dan 3 orang responden dari kalangan mereka menyatakan sangat bersetuju. Selain itu terdapat 1 orang responden tidak memberi maklum balas. Dapatan menggambarkan minat pelajar dalam mempelajari hadis-hadis yang mempunyai *al-'Isti'a:rat* amat memberangsangkan.

Item 7

Jadual 5.53 : Dapatan Item 7

Bil	Item Soalan	Skor	Kekerapan
7	Saya rasa lebih seronok semasa mendengar penjelasan hadis yang mempunyai <i>al-'Isti'a:rat</i> .	1	0
		2	0
		3	0
		4	8
		5	4
	Jumlah		12

Item 7 dalam jadual 5.53 di atas menunjukkan semua responden menyatakan sangat bersetuju dan bersetuju dengan pernyataan bahawa mereka seronok mendengar penjelasan hadis yang mempunyai *al-'Isti'a:rat*. Ini menggambarkan bahawa semua para pelajar kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* yang berkaitan mempunyai minat dalam mempelajari hadis-hadis yang mempunyai *al-'Isti'a:rat*.

Item 8

Jadual 5.54 : Dapatan Item 8

Bil	Item Soalan	Skor	Kekerapan
8	Saya dapat menerima kaedah pengajaran yang dilakukan oleh guru dalam menjelaskan <i>al-'Isti'a:rat</i> .	1	0
		2	0
		3	0
		4	8
		5	4
	Jumlah	0	12

Item 8 dalam jadual 5.54 di atas menunjukkan semua responden menyatakan sangat bersetuju dan bersetuju dengan penyataan bahawa mereka dapat menerima kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru dalam menjelaskan *al-'Isti'a:rat*. Ini menggambarkan bahawa semua pelajar kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* yang berkaitan mempunyai persepsi yang baik terhadap kaedah pengajaran guru-guru tersebut.

Item 9

Jadual 5.55 : Dapatan Item 9

Bil	Item Soalan	Skor	Kekerapan
9	Saya dapati secara umum guru suka menggunakan bahasa kiasan dan Balaghah dalam menerangkan sesuatu perkara.	1	0
		2	0
		3	1
		4	7
		5	4
	Jumlah		12

Item 9 dalam jadual di atas berkaitan pandangan pelajar kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* yang berkaitan tentang minat guru-guru kitab tersebut dalam menjelaskan permasalahan sesuatu hadis secara balaghah dan bahasa kiasan. Jadual di atas menunjukkan 7 orang responden bersetuju dengan penyataan item 9 dan 4 orang responden menyatakan sangat bersetuju. Selain itu, terdapat 1 orang responden menyatakan tidak pasti. Ini menunjukkan bahawa majoriti responden berpandangan bahawa guru-guru kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* cenderung menjelaskan permasalahan sesuatu hadis secara balaghah.

Item 10

Jadual 5.56 : Dapatan Item 10

Bil	Item Soalan	Skor	Kekerapan
10	Saya dapati guru lebih banyak berpandukan kepada buku teks yang digunakan semasa pengajaran.	1	1
		2	0
		3	1
		4	9
		5	1
	Jumlah		12

Item 10 dalam jadual di atas berkaitan pandangan pelajar kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* berkaitan tentang penggunaan buku teks dalam pengajaran di kalangan guru-guru kitab tersebut. Jadual di atas menunjukkan 9 orang responden bersetuju dengan pernyataan item 10 di atas dan 1 orang responden menyatakan sangat bersetuju. Selain itu, terdapat 1 orang responden menyatakan tidak pasti dan 1 orang responden menyatakan amat tidak setuju. Ini menunjukkan bahawa majoriti responden berpandangan bahawa guru-guru kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* lebih cenderung menggunakan buku teks dalam pengajaran mereka.

Item 11

Jadual 5.57 : Dapatan Item 11

Bil	Item Soalan	Skor	Kekerapan
11	Saya dapat guru menggunakan alat bantu mengajar selain dari buku teks.	1	0
		2	1
		3	2
		4	8
		5	1
	Jumlah		12

Item 11 dalam jadual di atas berkaitan pandangan pelajar kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* yang berkaitan tentang penggunaan alat bantu mengajar dalam pengajaran di kalangan guru-guru kitab tersebut. Jadual di atas menunjukkan 8 orang responden bersetuju dengan pernyataan item 11 di atas dan 1 orang responden menyatakan sangat bersetuju. Selain itu, terdapat 2 orang responden menyatakan tidak pasti dan 1 orang responden menyatakan tidak setuju. Ini menunjukkan majoriti responden berpandangan bahawa guru-guru kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* menggunakan alat bantu mengajar dalam pengajaran mereka selain dari buku teks.

Item 12

Jadual 5.58 : Dapatan Item 12

Bil	Item Soalan	Skor	Kekerapan
12	Saya dapat guru sentiasa mengaitkan <i>al-'Isti'a:rat</i> di dalam hadis dengan bahasa kiasan di dalam bahasa Melayu.	1	0
		2	0
		3	2
		4	8
		5	2
	Jumlah		12

Jadual di atas menunjukkan 8 orang responden bersetuju dengan pernyataan bahawa guru-guru kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* sentiasa mengaitkan *al-'Isti'a:rat* di dalam hadis dengan bahasa kiasan di dalam bahasa Melayu dan 2 orang responden menyatakan sangat bersetuju dengan pernyataan tersebut. Selain itu, terdapat 2 orang responden menyatakan tidak pasti. Ini menunjukkan majoriti responden bersetuju dengan pernyataan di atas.

Item 13

Jadual 5.59 : Dapatan Item 13

Bil	Item Soalan	Skor	Kekerapan
13	Setelah mengikuti kelas pengajian kitab <i>Riya:d al-Sa:lihi:n</i> , saya menjawai rahsia balaghah <i>al-'Isti'a:rat</i> yang terdapat pada sesuatu hadis setelah mengikuti kelas pengajian kitab tersebut.	1	0
		2	0
		3	1
		4	11
		5	0
	Jumlah		12

Dapatan Item 13 menunjukkan majoriti pelajar kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* yang menjadi responden kajian ini menjawai rahsia balaghah *al-'Isti'a:rat* yang terdapat pada sesuatu hadis setelah mengikuti kelas pengajian kitab tersebut. Dapatan menunjukkan 11 orang responden berkaitan bersetuju dengan pernyataan item 13 di atas dan 1 orang responden menyatakan tidak pasti. Ini menggambarkan keberkesan pengajaran di kalangan guru-guru kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n*.

Item 14

Jadual 5.60 : Dapatan Item 14

Bil	Item Soalan	Skor	Kekerapan
14	Kewujudan <i>al-'Isti'a:rat</i> di dalam sesuatu hadis tidak menyulitkan saya untuk memahami makna dan maksud hadis tersebut.	1	0
		2	0
		3	0
		4	9
		5	3
	Jumlah		12

Item 14 dalam jadual di atas menunjukkan majoriti pelajar kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* yang menjadi responden kajian ini menyatakan bahawa kewujudan *al-'Isti'a:rat* di dalam sesuatu hadis tidak menyulitkan mereka untuk memahami makna dan maksud hadis tersebut. Dapatan menunjukkan 9 orang responden berkaitan bersetuju dengan pernyataan item 14 di atas dan 3 orang responden menyatakan sangat bersetuju. Ini menggambarkan pemahaman pelajar kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* berada pada tahap yang memberangsangkan.

Item 15

Jadual 5.61 : Dapatan Item 15

Bil	Item Soalan	Skor	Kekerapan
15	Saya dapat rasakan kewujudan <i>al-'Isti'a:rat</i> di dalam sesuatu hadis setelah mengikuti pengajian ini.	1	0
		2	0
		3	0
		4	12
		5	0
	Jumlah		12

Jadual di atas menunjukkan semua responden bersetuju dengan pernyataan bahawa mereka dapat merasai kewujudan *al-'Isti'a:rat* di dalam sesuatu hadis setelah mengikuti pengajian kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n*. Dapatan ini menunjukkan tahap keberkesanan pengajaran terhadap pemahaman *al-'Isti'a:rat* di kalangan pelajar-pelajar kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* yang berkaitan amat memuaskan.

Item 16

Jadual 5.62 : Dapatan Item 16

Bil	Item Soalan	Skor	Kekerapan
16	Saya dapat memahami terjemahan al-Quran dan hadis dengan lebih baik setelah didedahkan dengan <i>al-'Isti'a:rat</i> di dalam hadis-hadis kitab <i>Riya:d al-Sa:lihi:n</i> .	1 2 3 4 5	0 0 0 8 4
	Jumlah		12

Jadual di atas menunjukkan 8 orang responden bersetuju dengan pernyataan bahawa mereka dapat memahami terjemahan al-Quran dan hadis dengan lebih baik setelah didedahkan dengan *al-'Isti'a:rat* di dalam hadis-hadis kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n*. Selain itu terdapat 4 orang responden menyatakan sangat bersetuju dengan pernyataan di atas. Sebagaimana dapatan item 15, dapatan ini juga menunjukkan tahap keberkesanan pengajaran terhadap pemahaman *al-'Isti'a:rat* di kalangan pelajar-pelajar kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* yang berkaitan amat memuaskan.

Item 17

Jadual 5.63 : Dapatan Item 17

Bil	Item Soalan	Skor	Kekerapan
17	Secara umum saya berpandangan bahawa <i>al-'Isti'a:rat</i> yang terdapat di dalam hadis-hadis kitab <i>Riya:d al-Sa:lihi:n</i> mudah difahami.	1 2 3 4 5	0 0 0 9 3
	Jumlah		12

Item 17 dalam jadual di atas berkaitan persepsi pelajar-pelajar kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* yang berkaitan tentang pemahaman *al-'Isti'a:rat*. Jadual di atas menunjukkan 9 orang responden bersetuju dengan pernyataan item 17 di atas dan 3 orang responden

menyatakan sangat bersetuju. Ini menunjukkan majoriti responden mempunyai persepsi yang baik tentang pemahaman *al-'Isti'a:rat*.

Item 18

Jadual 5.64 : Dapatan Item 18

Bil	Item Soalan	Skor	Kekerapan
18	Saya dapat memahami hadis-hadis yang mempunyai <i>al-'Isti'a:rat</i> dengan lebih baik setelah mengikuti kelas pengajian kitab <i>Riya:d al-Sa:lihi:n</i> .	1	0
		2	0
		3	0
		4	5
		5	7
	Jumlah		12

Jadual di atas menunjukkan 5 orang responden bersetuju dengan pernyataan bahawa mereka dapat memahami hadis-hadis yang mempunyai *al-'Isti'a:rat* dengan lebih baik setelah mengikuti kelas pengajian kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n*. Selain itu terdapat 7 orang responden menyatakan sangat bersetuju. Sebagaimana dapatan item 15 dan 16, dapatan ini juga menunjukkan tahap keberkesanan pengajaran terhadap pemahaman *al-'Isti'a:rat* di kalangan pelajar-pelajar kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* yang berkaitan amat memuaskan.

5.2.2.2.2 Analisis Soal Selidik Untuk Pelajar Berdasarkan Kategori Soalan

Secara keseluruhan, item soal selidik untuk pelajar dalam kajian ini terbahagi kepada 7 bahagian berikut :

1. Persepsi pelajar terhadap kepentingan Balaghah dan *al-'Isti'a:rat* dalam menghayati makna hadis. Bahagian ini terdiri daripada item 1 dan 2.
2. Persepsi pelajar tentang kesan *al-'Isti'a:rat* terhadap pemahaman makna dan maksud hadis. Bahagian ini terdiri daripada item 14.

3. Penilaian pelajar terhadap penghayatan *al-'Isti'a:rat* dalam menyampaikan maksud hadis di kalangan guru. Bahagian ini terdiri daripada item 3, 4, 5, 7, 8, 12, 13, 15, 16, 17 dan 18.
4. Penghayatan Balaghah secara umum dalam menyampaikan maksud hadis di kalangan guru. Bahagian ini terdiri daripada item 9.
5. Rujukan pengajaran. Bahagian ini terdiri daripada item 10.
6. Penggunaan ABM dalam pengajaran. Bahagian ini terdiri daripada item 11
7. Minat pelajar dalam mempelajari hadis-hadis yang mempunyai *al-'Isti'a:rat*. Bahagian ini terdiri daripada item 6.

Jadual 5.23 di bawah ini menggambarkan taburan peratusan dapatan soal selidik untuk pelajar berdasarkan kategori.

Jadual 5.65 : Dapatan Soal Selidik untuk Pelajar Berdasarkan Kategori

Bahagian		Dapatan Mengikut skala					
Bil	Bahagian	STS 1	TS 2	TP 3	S 4	SS 5	Peratusan
1	Bahagian 1 Item 1	0	0	0	9 36	3 15	85.00
	Item 2	0	0	0	3 12	9 45	
Purata Bahagian 1		0	0	0	12 48	12 60	90.00
2	Bahagian 2 Item 14	0	0	0	9 36	3 15	85.00
3	Bahagian 3 item 3	0	0	0	2 8	10 50	96.67
	Item 4	0	0	0	3 12	9 45	
	Item 5	0	0	2 6	7 28	3 15	81.67
	Item 7	0	0	0	8 32	4 20	
	Item 8	0	0	0	8 32	4 20	86.67
	Item 12	0	0	2 6	8 32	2 10	
							80.00

Jadual 5.65, sambungan

Bahagian		Dapatan Mengikut skala					
Bil	Bahagian	STS 1	TS 2	TP 3	S 4	SS 5	Peratusan
	Item 13	0	0	1 3	11 44	0	78.33
	Item 15	0	0	0	12 48	0	100
	Item 16	0	0	0	8 32	4 20	86.67
	Item 17	0	0	0	9 36	3 15	85.00
	Item 18	0	0	0	5 20	7 35	91.67
	Purata Bahagian 3	0	0	5 15	81 324	46 230	86.21
4	Bahagian 4 Item 9	0	0	1 3	7 28	4 20	80.00
5	Bahagian 5 Item 10	1	0	1 3	9 36	1 5	68.33
6	Bahagian 6 Item 11	0	1	2 6	8 32	1 5	75.00
7	Bahagian 7 Item 6	0	0	0	8 32	3 15	78.33

Daripada jadual di atas dapat disimpulkan bahawa peratusan dapatan soal selidik keseluruhan bagi setiap bahagian berada di antara 68.33% hingga 96.67%. Peratusan dapatan bahagian 5 berada pada tahap yang terendah, iaitu 68.33%. Manakala bahagian 3 berada pada tahap yang tertinggi, iaitu 96.67%.

5.2.2.2.3 Rumusan Analisis Soal Selidik Untuk Pelajar (Bahagian B)

Berdasarkan pembahagian di atas, penulis menjadikan soal selidik bahagian 1, 3, dan 4 sebagai asas utama kepada penilaian keberkesanan teori *al-'Isti'ārah* dalam penghayatan makna hadis di kalangan guru-guru kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* di Semenanjung Malaysia. Dapatan soal selidik bahagian tersebut dapat dilihat pada Jadual 5.54 di bawah ini.

Jadual 5.66 : Dapatan Soal Selidik Bahagian 1, 3 dan 4

Bil	Bahagian	Jumlah Markah	Peratusan
1	Bahagian 1 Persepsi pelajar terhadap kepentingan Balaghah dan <i>al-'Isti'a:rat</i> dalam menghayati makna hadis. Bahagian ini terdiri daripada item 1 dan 2.	108	90.00
2	Bahagian 3 Penilaian pelajar terhadap penghayatan <i>al-'Isti'a:rat</i> dalam menyampaikan maksud hadis di kalangan guru. Bahagian ini terdiri daripada item 3, 4, 5, 7, 8, 12, 13, 15, 16, 17 dan 18.	569	86.21
3	Bahagian 4 Penghayatan Balaghah secara umum dalam menyampaikan maksud hadis di kalangan guru. Bahagian ini terdiri daripada item 9.	48	80.00
Peratusan dan Min Dapatan Keseluruhan		725	86.31

Jadual di atas menunjukkan peratusan dapatan keseluruhan bagi soal selidik bahagian 1, 3 dan 4 yang menjadi asas penilaian kepada kajian ini mencapai 86.31%. Dapatan ini menggambarkan keberkesanan teori *al-'Isti'a:rat* dalam penghayatan makna hadis-hadis kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* di kalangan guru-guru kitab tersebut di Semenanjung Malaysia.

Selain dari perkara di atas, persepsi pelajar tentang kesan *al-'Isti'a:rat* terhadap pemahaman makna dan maksud hadis (bahagian 2), rujukan pengajaran (bahagian 5), penggunaan ABM dalam pengajaran (bahagian 6) dan minat pelajar dalam mempelajari hadis-hadis yang mempunyai *al-'Isti'a:rat* (bahagian 7) dapat dilihat sebagai perkara sampingan yang tidak mempengaruhi penilaian keberkesanan teori *al-'Isti'a:rat* dalam penghayatan makna hadis di kalangan guru-guru kitab tersebut di Semenanjung

Malaysia. Bagaimanapun ia berfungsi sebagai pembuka minda kepada item-item yang berkaitan dengan persoalan kajian.

5.3 Penutup

Kajian ini berkait rapat dengan amalan pengajaran dan pembelajaran dan persepsi guru tentang kepentingan ilmu Balaghah dalam memahami makna hadis. Perkara ini banyak dipengaruhi oleh penguasaan ilmu di kalangan guru dan latar belakang pendidikan guru berkenaan. Berdasarkan perhatian penulis, kesohoran dan penguasaan guru terhadap ilmu, selain kesungguhan dan komitmen merupakan faktor penting yang membawa kepada wujudnya suasana pembelajaran yang berkesan.

Berdasarkan rumusan dapatan analisis soal selidik untuk guru dan pelajar kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n*, dapat ditegaskan bahawa tahap keberkesanan teori *al-'Isti'a:rat* dalam penghayatan makna hadis-hadis kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* di kalangan guru-guru kitab tersebut di Semenanjung Malaysia amat memberangsangkan. Dapatan keseluruhan bahagian 1, 2, 3, 4, 5 dan 7 bagi soal selidik untuk guru (bahagian B) yang menjadi asas penilaian kepada kajian ini mencapai 81.35%. Demikian juga dapatan keseluruhan bahagian 1, 3 dan 4 bagi soal selidik untuk pelajar (bahagian B) yang juga menjadi asas penilaian kepada kajian ini mencapai 86.31%.

Daripada keseluruhan dapatan soal selidik untuk guru dan pelajar dapat disimpulkan bahawa keberkesanan teori *al-'Isti'a:rat* dalam penghayatan makna hadis-hadis kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* di kalangan guru-guru kitab tersebut di Semenanjung Malaysia berkait rapat dengan penguasaan ilmu di kalangan guru dan latar belakang pendidikan guru tersebut. Dapatan item-item bahagian B bagi soal selidik untuk pelajar berikut

menggambarkan guru-guru berkaitan menguasai ilmu hadis dan balaghah dan berkesan dalam penyampaian mereka.

Dapatan Item 13 menunjukkan 11 orang pelajar kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* yang menjadi responden kajian ini menjawai rahsia balaghah *al-'Isti'a:rat* yang terdapat pada sesuatu hadis setelah mengikuti kelas pengajian kitab tersebut. Manakala dapatan item 15 pula menunjukkan semua pelajar berkaitan (12 orang) bersetuju dengan pernyataan bahawa mereka dapat merasai kewujudan *al-'Isti'a:rat* di dalam sesuatu hadis setelah mengikuti pengajian kitab tersebut. Sementara itu, dapatan item 16 menunjukkan semua pelajar berkaitan (12 orang) bersetuju dan sangat bersetuju dengan pernyataan bahawa mereka dapat memahami terjemahan al-Quran dan hadis dengan lebih baik setelah didekah dengan *al-'Isti'a:rat* di dalam hadis-hadis kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n*.

Selain dapatan item-item di atas, dapatan item 17 dan item 18 juga menunjukkan perkara yang sama. Dapatan item 17 menunjukkan semua pelajar berkaitan (12 orang) bersetuju dan sangat bersetuju dengan pernyataan bahawa *al-'Isti'a:rat* yang terdapat di dalam hadis-hadis kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* mudah difahami. Manakala dapatan item 18 pula menunjukkan semua pelajar berkaitan bersetuju dan sangat bersetuju dengan pernyataan bahawa mereka dapat memahami hadis-hadis yang mempunyai *al-'Isti'a:rat* dengan lebih baik setelah mengikuti kelas pengajian kitab tersebut.

Dari segi latar belakang pendidikan guru, keseluruhan guru kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* yang berkaitan mempunyai kelayakan yang cukup untuk mengendalikan pengajaran kitab tersebut. Dapatan menunjukkan majoriti responden (7 orang daripada 8 orang responden) memiliki sekurang-kurangnya Sarjanamuda dalam bidang-bidang pengajian Islam dan 1 orang responden merupakan lulusan pondok.

Selain dari kedudukan guru-guru berkenaan pada tahap yang amat memberangsangkan dari segi penguasaan ilmu dan latar belakang pendidikan mereka, penulis berpandangan bahawa prestasi mereka boleh dipertingkatkan dengan latihan dan pendedahan tentang ilmu Balaghah, khususnya Balaghah Hadis. Proses pendedahan tersebut boleh dilakukan melalui latihan perguruan dan penyelidikan yang berterusan.

Demikianlah hasil dapatan kajian lapangan bagi tesis ini. Berikutnya, bab enam kajian ini akan membincangkan rumusan, cadangan kajian dan cadangan kajian lanjutan secara keseluruhan berdasarkan objektif dan persoalan kajian